

NOTIS DAN GARIS PANDUAN PENDAFTARAN KELUAR ASRAMA SESI DISEMBER 2020 (FASA 1)

Tarikh akhir pendaftaran keluar asrama untuk Pelajar Fasa 1 adalah pada **8 dan 9 Mei 2021** mengikut Jabatan / Program yang telah ditetapkan (rujuk jadual di bawah).

Semua pelajar, ibubapa / penjaga WAJIB mematuhi garis panduan seperti memakai pelitup muka (**FACE MASK**) dan mengamalkan penjarakkan fizikal semasa berurusan di dalam kawasan Politeknik Kuching Sarawak. Berikut adalah panduan pendaftaran keluar asrama :

TIBA DI PAGAR UTAMA POLITEKNIK KUCHING

- Sila nyatakan tujuan ke **Politeknik Kuching Sarawak** dan **WAJIB** melakukan saringan suhu. Sekiranya suhu melebihi 37.5°C, ibubapa / penjaga **tidak** dibenarkan masuk.

LEPAS PEMERIKSAAN PAGAR UTAMA

- Kenderaan ibubapa / penjaga dihadkan masuk sehingga kawasan parking CiSEC / Perpustakaan.

SEBELUM URUSAN PENDAFTARAN KELUAR

- Pelajar mengisi Borang Semakan Kelengkapan Bilik Kolej Kediaman Sesi Disember 2020 (Check-out) boleh didapati pada **Borang Pendaftaran Asrama dari SPMP i-kamsis**
- Jika ada kerosakan di dalam bilik, pelajar WAJIB mengisi **E-ADUAN UPS** di laman web PKS dan mencetak emel maklum balas aduan tersebut (sila berbuat demikian segera sebelum check out)
- Pelajar hendaklah menutup suis lampu, kipas, tingkap dan mengunci pintu.
- Mengembalikan posisi perabot dalam keadaan asal, meninggalkan bilik dalam keadaan **KOSONG** dan **KEMAS** (iika ada perabot rosak tetapi tiada dalam rekod E Aduan UPS, kotor, berselerak dan tidak disusun dengan betul akan menyebabkan SPMP pelajar **DISEKAT**)

SEMASA URUSAN PENDAFTARAN KELUAR (KAUNTER)

- Menyerahkan kunci bilik, Borang Semakan Kelengkapan Bilik Kolej Kediaman Sesi Disember 2020 (Borang Check-out) dan mencetak E Aduan UPS (jika ada) ke kaunter pendaftaran keluar

JADUAL PENDAFTARAN KELUAR ASRAMA (CHECK OUT) ADALAH SEPERTI KETETAPAN BERIKUT:

TARIKH	MASA	KUMPULAN PELAJAR	TEMPAT
7 Mei 2021 (Jumaat)	6.30 petang hingga 10.30 malam	1. Pelajar baharu semester 1 (DKM, DAD, DTP dan DPU) 2. Pelajar semester 2, 3 dan 5 (DGU) 3. Pelajar semester 4 dan 5 (DPB)	Kafeteria, Politeknik Kuching Sarawak
8 Mei 2021 (Sabtu)	8.00 pagi hingga 4.00 petang	4. Pelajar semester 5 (DEE, DEP, DPE dan DDT) 5. Pelajar JP	
9 Mei 2021 (Ahad)	8.00 pagi hingga 4.00 petang	1. Pelajar semester 4 dan 5 (DKM, DAD, DTP dan DPU)	

Sila patuhi semua **Garis Panduan, Jadual Pendaftaran Keluar Asrama Dan Carta Alir Pergerakan Pelajar Keluar Asrama Sesi Disember 2020 Fasa 1(8 & 9 Mei 2021) (Ke Semenanjung Malaysia, Sabah Dan Labuan) Dan Luar Kawasan Kuching** (Pindaan 14 April 2021) untuk mengelak sebarang kesulitan. Pergerakan keluar asrama dalam Zon Kuching adalah seperti biasa dan tidak memerlukan permit dan pengesahan.

Jika terdapat sebarang pertanyaan berhubung dengan perkara ini boleh menghubungi **082-845596** di sambungan **102/421/103**.

Kerjasama daripada pihak anda amatlah dihargai.

Sekian, harap maklum.

Penolong Pengurus Asrama
Politeknik Kuching Sarawak
15 April 2021

**CARTA ALIR PERGERAKAN PELAJAR KELUAR ASRAMA SESI DISEMBER 2020 FASA 1(8 & 9 Mei 2021)
(KE SEMENANJUNG MALAYSIA, SABAH DAN LABUAN) DAN LUAR KAWASAN KUCHING
(PINDAAN 14 APRIL 2021)**

KE SEMENANJUNG



1. Dokumen diperlukan : -
 - Surat Pengesahan pelajar yang dikeluarkan oleh HEP
 - Surat merentas daerah/negeri yang dikeluarkan oleh pihak Polis.
2. Tiket penerbangan adalah dibawah tanggungan sendiri.
3. Pergerakan pelajar ke Lapangan Terbang Kuching Antarabangsa pada **8 dan 9 Mei 2021** sahaja akan diuruskan oleh PKS

KE SABAH / LABUAN



1. Permohonan **Enter SABAH / LABUAN:**
 - Surat merentas daerah/negeri yang dikeluarkan oleh pihak Polis)
 - Surat Pengesahan Pelajar yang dikeluarkan oleh HEP
2. Melakukan Swab Test mengikut keperluan negeri sebelum penerbangan akan diuruskan oleh PKS. Pelajar perlu nyatakan tiket flight sebelum atau pada **23 April 2021** di pautan
<https://docs.google.com/forms/d/154tqxXFtLO3uQ5SCoro3ymubGdA8YK3DUz2wUvNoybk/edit?usp=sharing>
3. Isi borang Pengisytiharan Kesihatan (**e-HDF**) dalam tempoh 12 jam sebelum masuk ke Sabah
4. Pergerakan pelajar ke lapangan terbang diuruskan oleh pihak PKS
5. Tiket penerbangan adalah dibawah tanggungan sendiri.

**KE LUAR DAERAH
KUCHING**



1. Permohonan **Rentas Daerah:**
 - Surat merentas daerah yang dikeluarkan oleh pihak Polis.
 - Surat Pengesahan Pelajar yang dikeluarkan oleh HEP.
2. Melakukan Swab Test mengikut keperluan daerah 3 hari sebelum pergerakan.(Daerah Bintulu sahaja jika dilanjutkan syarat sehingga tarikh pergerakan anda)
3. Pergerakan pelajar ke Lapangan Terbang Kuching Antarabangsa pada **8 dan 9 Mei 2021** sahaja akan diuruskan oleh PKS
4. Tiket perjalanan pulang adalah di bawah tanggungan sendiri.